

clu: 8798

1100089057

Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu



LP 15 FPE 2 2009



1100089057

Kesan harga pasaran komoditi utama terhadap pertumbuhan ekonomi di Malaysia / Jupia Sia.

**PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU**

1100089057

1100089057

Lihat Sebelah

HAK MILIK

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**KESAN HARGA PASARAN KOMODITI UTAMA
TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI DI
MALAYSIA**

**JUPIA BINTI SIA
SM EKONOMI (SUMBER ALAM)**

**PROJEK ILMIAHINI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT
PENGAJIAN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
(UMT)
2009**

PENGAKUAN

Saya akui Kertas Projek (EKN 4399A/B) ini adalah hasil saya sendiri kecuali sumber-sumber lain yang telah saya jelaskan rujukannya melalui senarai rujukannya.

16 APRIL 2009



JUPIA BINTI SIA

UK 14424

DECLARATION

I hereby declare that this Project Paper (EKN 4399A/B) is the result of my own finding, exceptwhere otherwise stated.

16 APRIL 2009



JUPIA BINTI SIA

UK 14424

PENGHARGAAN

Salam sejahtera dan salam perpaduan,

Pertama sekali saya mengucapkan syukur kepada Tuhan atas limpah kurnia-Nya, kertas projek tahun akhir saya dapat disiapkan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia kertas kertas projek saya di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), iaitu Encik Zaharul Nizal Zabidi yang telah banyak memberi dorongan dan sokongan di samping memberi tunjuk ajar yang sangat berguna dalam menyiapkan kertas projek ini.

Jutaan terima kasih juga buat rakan-rakan seperjuangan yang terlibat dalam proses menyiapkan kertas projek saya sehingga ke tahap ini. Sesungguhnya, tanpa cadangan dan idea yang bernas daripada anda, kertas projek ini mungkin tidak lengkap sehingga ke peringkat ini.

Tidak lupa juga ucapan istimewa terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada ibu bapa serta ahli keluarga yang telah banyak berkorban dan sentiasa memberi galakan kepada saya dari dulu hingga kini.

Berkat bimbingan dan tunjuk ajar pelbagai pihak, saya berjaya menyiapkan kertas projek ini. Segala bantuan, galakan, sokongan dan semua maklumat yang telah dipelajari serta tunjuk ajar oleh semua pihak yang terlibat sesungguhnya memberikan banyak inspirasi dan pengetahuan yang sangat berguna kepada saya. Semoga apa yang telah dipelajari semasa menjalani kertas projek dapat dipraktikkan dengan baik.

Sekian dan terima kasih

ABSTRAK

Kajian ini mengupas tentang hubungan di antara harga komoditi-komoditi utama dengan pertumbuhan ekonomi negara. Harga pasaran komoditi tidak selalu berada pada tingkat yang stabil serta sering kali mengalami kenaikan atau penurunan yang mendadak. Turun naik harga komoditi dilihat memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi sama ada meningkat ataupun sebaliknya kepada negara yang bergantung pada komoditi tersebut. Getah, minyak kelapa sawit dan minyak mentah dipilih sebagai komoditi utama yang memberi kesan kepada ekonomi negara ini. Kajian ini menganalisis hubungan kedua-dua antara pembolehubah-pembolehubah tidak bersandar dan pembolehubah bersandar setelah menjalani ujian kepegunaan data dan ujian kointegrasi dan ujian penyebab Granger. Ujian kointegrasi digunakan bagi mengenalpasti sama ada terdapat hubungan jangka panjang atau jangka pendek di kalangan pembolehubah. Dalam kajian ini, tidak wujud hubungan jangka panjang tetapi terdapat hubungan jangka pendek yang telah berjaya dikenal pasti. Didapati, terdapat hubungan sehala di kalangan pembolehubah-pembolehubah siri masa selepas menjalani analisis Granger. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kesan harga komoditi yang terpilih dalam kajian ini terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah agak minima.

ABSTRACT

This study examines the relationship between prices of major commodities with economic growth. The market price of commodity is hardly stable for a long period and often experience a huge fluctuations caused by several factors. The volatility in commodity price is expected to affect economic growth in a positive or negative manner especially for main producer of these commodities. Rubber, palm oil and crude oil are selected as primary commodity in this study which is anticipated to influence national economy at certain extent. This research analyzes the relationship between both independent variables and dependent variable by conducting the Unit Root Test, Cointegration Test and Granger's Causality Test. Cointegration Test is used to identify whether there is long-term or short-term relationship among variable. In this study, there seems to be no long-term relationship among variables but there is existence of short term relations that has been identified. This study found that one-way causal relationship among the selected variables after applying the Granger's analysis. It is concluded that the price of selected commodity has minimum effect on growth of the Malaysian economy.